



**KEMENTERIAN PERLADANGAN
DAN KOMODITI**

**PANDUAN PERMOHONAN LESEN DI BAWAH
AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007**

(AKTA 666)

**Bahagian Biojisim dan Biobahan Api
Kementerian Perladangan dan Komoditi
2024**

Senarai Kandungan

1.0 Latarbelakang.....	1
2.0 Aktiviti-Aktiviti Yang Dilesenkan	1
3.0 Proses Permohonan Lesen.....	3
4.0. Pembaharuan Lesen	3
5.0 Lesen perlu dipamer.....	4
6.0 Penyata Bulanan	5
7.0 Pindah Milik Lesen	5
8.0 Perubahan Maklumat Atau Butir-Butir Lesen	6
9.0 Pembatalan Atau Penggantungan Lesen.....	6

**PANDUAN PERMOHONAN LESEN DI BAWAH
AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007 [AKTA 666]**

1.0 LATAR BELAKANG

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi prosedur yang digunapakai dalam proses permohonan lesen untuk aktiviti-aktiviti industri biobahan api selaras dengan Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [Akta 666]. Garis panduan ini juga bertujuan untuk membekalkan maklumat serta membantu pemohon lesen memenuhi dan mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pelesenan) 2008 (P.U. (A) 404).

2.0 AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILESENKAN

Aktiviti-aktiviti yang dilesenkan seperti dinyatakan dalam Seksyen 5, Akta 666 dan jenis borang permohonan biobahan api adalah seperti berikut:

2.1	Kategori Pengeluaran Bahan Api		
	2.1.1	Memulakan untuk membina loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api	Borang MPI(L)PBF1
	2.1.2	Mengeluarkan apa-apa biobahan api; dan	
	2.1.3	Mengadun biobahan api dengan bahan api atau biobahan api lain.	
2.2	Kategori Perniagaan Biobahan Api		
	2.2.1	Mengeksport biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain;	Borang MPI(L)DBF1
	2.2.2	Menyimpan biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti hulu; dan	
	2.2.3	Mengangkut biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti hulu;	
2.3	Kategori Perkhidmatan Biobahan Api:		

	2.3.1	Mengukur biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain; dan	Borang MPI(L)SBF1
	2.3.2	Menguji biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain.	

3.0 PROSES PERMOHONAN LESEN

- 3.1. Pihak yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti biobahan api dikehendaki memiliki lesen yang sah terlebih dahulu. Permohonan lesen perlu dibuat secara bertulis kepada Bahagian Biojisim dan Biobahan Api (BBA), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dengan mengisi borang permohonan mengikut aktiviti yang hendak dilesenkan.
- 3.2. Borang permohonan yang lengkap serta sebarang maklumat atau dokumen tambahan perlu dikemukakan kepada urus setia untuk diproses. Hanya borang yang lengkap sahaja akan diproses untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Pelesenan (PBP) dalam tempoh 30 hari bekerja.
- 3.3. Borang yang dihantar secara elektronik akan disemak terlebih dahulu oleh urus setia. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap berdasarkan kriteria yang ditetapkan, borang permohonan asal perlu dicetak, diisi dengan lengkap dan ditandatangani pemohon. Permohonan perlu dikemukakan dalam bentuk "*hard copy*" ke KPK melalui alamat berikut;

Setiausaha Bahagian
Bahagian Biojisim dan Biobahan Api
Kementerian Perladangan dan Komoditi
No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
E-mel: lesenbba@kpk.gov.my

- 3.4. Pemohon juga dikehendaki untuk mengemukakan sebarang dokumen atau maklumat lanjut yang diperlukan oleh urus setia sekiranya diminta berbuat demikian. Permohonan akan disemak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan serta berdasarkan senarai semak borang permohonan.
- 3.5. Makluman Akuan Penerimaan hanya akan dikemukakan kepada pemohon selepas menerima borang yang lengkap beserta dokumen-dokumen atau maklumat berkaitan yang sah.

- 3.6. Ketua Setiausaha Kementerian selaku PBP akan meluluskan permohonan serta pengeluaran lesen berdasarkan syor Jawatankuasa Kecil Pelesenan dan Pengecualian Biobahan Api (JKPP) serta perakuan Panel Penilai Pelesenan Biobahan Api atau keputusan lain yang difikirkan wajar.
- 3.7. Notis kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya selepas PBP meluluskan permohonan lesen.
- 3.8. Surat Edaran Lesen berserta lesen akan dikemukakan kepada pemohon yang telah membuat pembayaran fi lesen berdasarkan bukti pembayaran melalui resit rasmi yang dikeluarkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan (BKPP), KPK.
- 3.9. Fi bagi permohonan lesen adalah sebanyak **RM100 bagi setiap aktiviti** yang diluluskan **bagi tempoh maksima tiga tahun**.
- 3.10 Proses permohonan lesen biobahan api adalah seperti carta alir di **Lampiran A**.

4.0 PEMBAHARUAN LESEN

4.1 Pembaharuan Lesen [P.U.(A) 404, Peraturan 7]

7(2) Pemegang lesen yang berhasrat untuk memperbaharui lesen hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada **satu bulan tetapi tidak awal daripada tiga bulan** sebelum tarikh tamat lesen, memohon untuk pembaharuan itu.

Peringatan Penting: Notis makluman pembaharuan tidak lagi dikeluarkan setiap kali lesen biobahan api akan tamat tempoh.

7(3) Pemegang lesen yang memohon bagi pembaharuan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 7(2) hendaklah membayar **fi lewat sebanyak satu peratus daripada fi yang ditetapkan bagi lesen atau sepuluh ringgit, yang mana lebih besar**, bagi setiap hari kelewatan itu termasuklah tarikh habis tempoh lesen itu.

Situasi 1 : Jika tarikh tamat lesen syarikat adalah pada 31/12/2023 dan syarikat mohon pembaharuan lesen pada 8/12/2023, maka fi lewat akan dikenakan sebanyak RM10; atau

Situasi 2 : Jika tarikh tamat lesen syarikat adalah pada 31/12/2023 dan syarikat mohon pembaharuan lesen pada 19/12/2023, maka fi lewat akan dikenakan sebanyak RM19.

Situasi yang ideal: Jika tarikh tamat lesen syarikat adalah pada 31/12/2023, syarikat mohon pembaharuan lesen sebelum 1/12/2023, tiada fi lewat dikenakan.

- 7(4) Jika suatu permohonan bagi pembaharuan lesen dibuat selepas habis tempoh lesen, pihak berkuasa pelesenan **boleh enggan memperbaharui lesen atau boleh memperbaharui lesen tertakluk kepada pengenaan fi lewat tidak boleh melebihi lima ratus peratus fi lesen atau lima ribu ringgit, yang mana lebih besar.**

Situasi : Jika tarikh tamat lesen syarikat adalah pada 31/12/2023 dan syarikat mohon pembaharuan lesen pada atau selepas 1/1/2024, maka fi lewat akan dikenakan minimum sebanyak RM5,000.

- 4.2 Bagi pemegang lesen yang tidak pernah menjalankan aktiviti yang dilesenkan sehingga tamat tempoh lesen, pemegang lesen diberi peluang untuk memperbaharui lesen (maksimum 2 tahun atau 1 tahun) setelah representasi bertulis dikemukakan kepada PBP. Walaubagaimanapun, PBP boleh membatalkan dan menggantung lesen tersebut sekiranya tiada sebarang aktiviti dilaksanakan ketika lesen berkuatkuasa.

5.0 LESEN PERLU DIPAMER

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan [Akta 666, Seksyen 9]

- 9(1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya ditempat yang mudah dilihat dalam premis tempat perniagaan dijalankan dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh pihak berkuasa pelesenan atau mana-mana pegawai penguatkuasa.
- 9(2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamerkan atau mengemukakan lesennya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

6.0 PENYATA BULANAN

6.1 Syarat-Syarat Lesen [P.U.(A) 404, Peraturan 5]

5.(1) Lesen yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berkenaan yang dinyatakan dalam **Jadual Kedua di bawah perenggan 5(3)** adalah seperti berikut:

Pemegang lesen hendaklah mengemukakan penyata bulanan yang benar, lengkap dan tepat kepada Bahagian Biojisim dan Biobahan Api, Kementerian Perladangan dan Komoditi, tidak lewat pada atau **sebelum tujuh hari bulan pada bulan yang berikutnya.**

6.2 Penyenggaraan dan pengemukakan rekod [P.U.(A) 404, Peraturan 11]

11(4) Kegagalan pemegang lesen untuk mengemukakan penyata bulanan merupakan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

7.0 PINDAH MILIK LESEN

7.1. Pemegang lesen dikehendaki mengemukakan permohonan bertulis kepada PBP berserta dengan maklumat yang berkaitan bagi tujuan pindah milik lesen.

7.2. Syarikat baharu yang berhasrat untuk mengambil alih lesen daripada syarikat pemegang lesen dikehendaki mengemukakan permohonan bertulis kepada PBP berserta dengan maklumat yang berkaitan bagi tujuan tersebut.

7.3. Pindah milik lesen adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:

7.3.1. Lesen yang ingin dipindah milik masih berkuat kuasa;

7.3.2. Premis yang dinyatakan dalam lesen asal tidak berubah; dan

7.3.3. Syarikat yang telah digulung/bankrap perlu melantik pengurus pengambilalihan. Dokumen persetujuan berikut perlu disediakan oleh pengurus pengambilalihan seperti:

(a) surat pelantikan daripada pemegang lesen kepada pengurus pengambilalihan bagi mengurus proses pengambilalihan; atau

- (b) klausa kebenaran pindah milik lesen yang dinyatakan dalam resolusi syarikat (mesyuarat lembaga pengarah syarikat); atau
- (c) bukti persetujuan syarikat untuk memindahkan lesen tersebut. (contoh: dokumen persetujuan ahli lembaga pengarah atau apa-apa dokumen lain yang setaraf) perlu dikemukakan.

7.3.4. Sebagai kawalan tambahan ke atas lesen, permohonan memindah milik oleh syarikat pemegang lesen kepada syarikat baharu hanya dibenarkan selepas 3 tahun syarikat beroperasi kecuali syarikat telah bankrap / digulung.

8.0 PERUBAHAN MAKLUMAT ATAU BUTIR-BUTIR LESEN


- 8.1. Pemegang lesen yang ingin menukar maklumat atau butir-butir lesen perlu memohon kepada urus setia secara bertulis mengenai perubahan maklumat atau butir-butir yang ingin diubah.
- 8.2. Lesen asal hendaklah dikemukakan kepada urus setia bagi tujuan pindaan maklumat atau butir-butir lesen **selepas pindaan diluluskan oleh PBP**.
- 8.3. Perubahan kepada maklumat atau butir-butir lesen akan dikenakan fi sebanyak RM100 bagi setiap permohonan yang dibuat.

9.0 PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN LESEN

- 9.1. PBP berhak untuk membatalkan lesen jika terbukti:
 - 9.1.1. Mana-mana undang-undang atau syarat lesen tidak dipatuhi;
 - 9.1.2. Lesen diperolehi dengan maklumat palsu;
 - 9.1.3. Maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud; dan
 - 9.1.4. Aktiviti yang dilesenkan tidak lagi dijalankan.
- 9.2. Pemegang lesen akan dimaklumkan secara bertulis berkenaan peruntukan yang telah dilanggar dan butir-butir keadaan pelanggaran tersebut.

- 9.3. Pemegang lesen hendaklah membuat representasi secara bertulis kepada PBP bagi menerangkan mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung dalam tempoh 21 hari daripada tarikh notis pembatalan atau penggantungan dikeluarkan.
- 9.4. PBP boleh membatalkan dan menggantung lesen pemegang lesen tersebut sekiranya PBP tidak berpuas hati terhadap representasi pemegang lesen atau pemegang lesen gagal menunjuk sebab yang munasabah mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung.
- 9.5. Urus setia akan memaklumkan kepada syarikat mengenai keputusan representasi itu dalam tempoh 60 hari bekerja daripada tarikh penerimaan representasi diterima daripada syarikat.

**Bahagian Biojisim dan Biobahan Api
Kementerian Perladangan dan Komoditi
2024**



Carta Alir: Proses Permohonan Pembaharuan Lesen Biobahan Api

E-mel persoalan : lesenbba@kpk.gov.my

